



## Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di beberapa DUN terpilih dalam negeri Kedah

Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mohd Syukri Zainuddin

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my))

Received: 01 April 2020; Accepted: 13 November 2020; Published: 29 November 2020

### Abstrak

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 adalah salah satu pilihan raya yang telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila BN yang memerintah selama 61 tahun berjaya ditewaskan buat kali pertamanya. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pola sokongan golongan belia Melayu di kawasan luar bandar di negeri Kedah. Dengan menggunakan data primer yang diperoleh daripada keputusan PRU 2018 dari Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut saluran undi golongan belia yang terdiri daripada 3 DUN luar bandar terpilih di negeri Kedah. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis berdasarkan majoriti yang dimenangi parti politik yang bertanding di kawasan tersebut yang disokong dengan maklumat sekunder iaitu kajian lepas daripada artikel jurnal, kertas seminar dan buku rujukan akademik. Hasil dari analisis tersebut, penemuan mendapati golongan belia Melayu sudah semakin berani untuk mengkritik jika terdapat pemimpin yang tidak faham dengan pandangan mereka. Hal ini juga berkait rapat dengan kecairan sifat feudal dalam jiwa generasi belia Melayu dan disebabkan itu mereka tidak lagi mengambil kisah tentang ketaatan kepada parti politik tetapi lebih kepada untuk mencari penyelesaian sesuatu masalah demi kebaikan negara. Golongan belia Melayu juga merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan sekali gus bertindak sebagai penentu kemenangan kepada sesebuah parti politik. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa peranan belia penting dalam membentuk sebuah negara yang maju dan berani ke hadapan bagi turut serta dalam proses pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik sesebuah negara.

**Kata kunci:** Pilihan Raya Umum ke-14, pola sokongan, belia Melayu, parti politik, pengundi atas pagar, negara maju

## The pattern of Malay youth support in the GE-14 at selected state legislative seats of Kedah

### Abstract

The 14th General Election (GE) is one of the elections that has recorded its own history when the BN that ruled for 61 years was successfully defeated for the first time. This article aims to analyze the pattern of Malay youth support in rural areas of Kedah. By using primary data obtained from the results of the 2018 GE from the Election Commission according to the voting channels of the youths consisting of 3 selected rural DUNs in the state of Kedah. The data were analyzed using analytical methods based on the majority won by political parties contesting in the area supported by secondary information, namely past studies from journal articles, seminar papers and academic reference books. The results of the analysis, the findings show the Malay youths are increasingly daring to criticize if there are leaders who do not understand their point of view. It is also closely related to the liquidity of the feudal nature of the soul of youth, and because of that they are no longer concerned about adherence to political parties but rather to find the solution to a problem for the good of the country. Malay youths are also the most crowded group became voters and thus act as a decisive victory to a political party. Therefore, it can be concluded that the role of youth is important in shaping a developed and courageous country to participate in the process of socio-economic and socio-political development of a country.

**Keywords:** 14th General Election, support pattern, Malay youth, political party, on fence voter, developed country

### Pengenalan

Generasi belia merupakan golongan muda yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun yang juga merupakan pelapis kepimpinan negara pada masa depan. Generasi belia juga merupakan golongan yang kritikal terhadap sesuatu isu dan boleh melakukan perkara di luar jangkaan terutamanya dalam membuat keputusan (Sloam, 2017). Pada peringkat ini merupakan satu peringkat perubahan dari seorang yang bergantung (dependent) kepada seorang yang bebas berfikir dan bertindak (independent). Pada peringkat belia, bukan saja seseorang itu menghadapi cabaran dalam membuat keputusan tetapi cabaran dalam bertindak. Dengan tenaga dan harapan yang disandarkan, belia bukan saja boleh mengubah kehidupannya sendiri tetapi mampu mengubah keadaan persekitarannya. Golongan ini juga sering dilihat mengambil sikap ‘tidak kisah’ tentang isu semasa dan juga mementingkan diri. Generasi belia zaman milenium dilihat tidak lagi berada pada takuk lama seperti generasi belia terdahulu yang masih bersifat feudal terhadap pemimpin dan menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada sesebuah parti secara terang-terangan. Golongan belia kini semakin terbuka mengkritik pemerintahan kerajaan terdahulu tanpa terikat dengan taat setia kepada sesebuah parti politik. Kini mereka semakin menonjol dalam memberi pendapat dan berani menegakkan hak mereka sehingga dianggap pula sebagai golongan penentang. Oleh itu, berdasarkan peredaran semasa, golongan belia merupakan golongan penting dalam masyarakat dalam sesebuah negara. Mereka ini merupakan generasi pelapis yang akan meneruskan legasi kepimpinan pemimpin terdahulu dan juga meneruskan

agenda pembangunan negara. Hal ini menunjukkan bahawa suara dan hak mereka perlu diberi perhatian kerana generasi belia ini semakin bertambah saban tahun. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14, 2018.

## Politik belia

Kajian mengenai politik golongan belia semakin bertambah kompleks dan mencabar saban tahun (Sloam, 2017; Sloam, Raqib & Henn, 2018). Hal yang demikian kerana golongan belia pada masa kini lebih bersikap terbuka dan juga berani mengambil tindakan dalam melakukan perubahan demi kepentingan mereka. Keadaan ini bukan saja berlaku di Malaysia malahan telah berlaku di seluruh dunia terutamanya di negara maju yang mana kadar celik politik dalam kalangan golongan belia semakin meningkat.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Henn & Hart (2017), sejak tahun 1997 pemilih dalam pilihan raya di Britain banyak disertai oleh golongan tua dengan penyertaan golongan belia semakin merosot. Namun bermula tahun 2000, golongan belia di UK lebih cenderung untuk terlibat sebagai pemilih dalam pilihan raya dan jumlah mereka semakin meningkat. Malahan, pada tahun 2014, sebanyak 68 peratus daripada mereka yang berusia 16-24 tahun telah membuang undi dalam Referendum Kemerdekaan Scotland.

Perdebatan mengenai hubungan antara umur pengundi dengan pemilihan parti politik turut dikaitkan dalam pilihan raya dan hubungan ini berkait rapat dari segi keutamaan kerana pengundi belia lebih cenderung ke arah haluan kiri. Walaupun begitu, Gomez (2013) sudah menjelaskan bahawa seiring dengan peningkatan usia telah membuatkan pengundi tua lebih matang. Namun, Fieldhouse dan Cutt (2012) telah menerangkannya dengan lebih awal lagi bahawa faktor usia bukanlah faktor utama seseorang pengundi masih setia mengundi parti tersebut. Jika golongan tua sudah selesa dalam kehidupan mereka, golongan ini akan memberi undi atau menyokong parti politik pilihan mereka tetapi pengundi belia sebaliknya. Pengundi belia tidak teragak-agak untuk memberi undi rosak kepada parti politik yang tidak mampu membawa perubahan ekonomi dan pembangunan dan golongan tua juga mampu berbuat demikian jika keselesaan mereka itu diancam dengan perubahan yang tidak mereka ingini.

Kecenderungan golongan belia memilih parti politik yang kena dengan jiwa mereka adalah disebabkan sikap pemimpin yang pandai mengambil hati golongan belia membuatkan golongan ini lebih cenderung memilih mereka. Pada pilihan raya umum 2017 di United Kingdom (Norris, 2017; Sloam, Raqib & Henn, 2018), pemimpin Parti Buruh, James Corbyn berjaya meraih undi dari pengundi belia dengan keberkesanan manifesto yang dipersembahkan seperti pengurangan yuran pengajian di universiti, peluang pekerjaan yang bertambah dan bantuan kewangan dari kerajaan yang akan ditambah. Hal ini menyebabkan Parti Konservatif mengalami kekalahan yang teruk. Malahan Norris (2017) berpendapat, parti yang tidak mengikut kemahuan golongan belia tidak akan mudah untuk memenangi pilihan raya kerana golongan belia lebih bersifat realistik, lebih tertarik kepada ideologi parti kiri yang membawa ideologi baru dan juga kerana peluang ekonomi yang semakin terhad jika dibandingkan dengan generasi ibu bapa mereka.

Haziman (2012) telah menyatakan bahawa di Turki juga peranan belia cukup penting dalam membawa perubahan politik di negara tersebut sokongan belia inilah yang telah membawa kemenangan kepada parti Refah yang kemudiannya mengubah landskap politik Turki. Antara

faktor yang mendorong belia menyokong Parti Refah adalah disebabkan kempen ‘kebijakan sosial’ yang menjanjikan kehidupan baru kepada belia yang ketika itu tidak tahan lagi dengan sekatan politik dan peluang pekerjaan yang terbatas.

Kajian mengenai politik belia di Malaysia bermula sejak tahun 2008 iaitu selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (Marshelayanti et al., 2013). Menurut beliau lagi, kajian politik pada peringkat awal di Malaysia hanya lebih banyak tertumpu kepada pengundian sahaja seperti meneliti peratusan keluar mengundi, faktor yang mendorong seseorang untuk mengundi, parti yang diundi dan isu ketika pilihan raya. Zubaidah (2009) telah menyatakan bahawa semuanya bermula pada PRU-12 di Parlimen Permatang Pauh yang telah membuktikan bahawa 90 peratus pengundi berusia 30 tahun ke bawah memilih calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Dato Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu merupakan ketua pembangkang.

Menurut Ong (2013), antara penolakan belia terhadap BN di negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat (PR) pada PRU 2003 kerana kempen BN yang hanya menonjolkan kerajaan pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan BN. Bagi belia, kejayaan pembangunan BN tidak begitu relevan lagi kerana mereka tahu itu adalah tanggungjawab kerajaan untuk mengurus negara. Mereka lebih cenderung untuk menilai aspek integriti, moral, hak asasi, dan sikap demokratik kerajaan dalam mengurus aspirasi rakyat. Jadi, mereka menolak mana-mana pemimpin yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, politik wang dan salah guna kuasa. Oleh itu, penilaian asas golongan belia semakin kritis mengenai perkara yang berkait rapat dengan intergriti dan disebabkan itu penolakan BN berlaku.

Namun begitu, setiap kriteria pada parti politik dan pemimpin tersebut adalah berbeza mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Junaidi et al. (2012) telah membuat kajian mengenai kriteria pemilihan pemimpin dan parti politik antara kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, penduduknya memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan dan hak asasi. Hal ini sangat berbeza dengan keinginan penduduk di kawasan luar bandar yang lebih mementingkan parti politik dan pemimpin yang dapat memacu pembangunan dari aspek infrastruktur, kemudahan awam, ketersampaian, kemiskinan serta pembangunan tanah dan bandar yang dapat menyumbang aspek material kepada mereka. Keadaan ini berlaku kerana di kawasan bandar, kebanyakannya kemudahan asas ini telah lengkap jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar yang masih mundur dan agak ketinggalan dalam penyediaan kemudahan asas.

Kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya yang mendapat dukungan golongan belia masa kini banyak ditentukan atas dasar yang bakal dibentuk seperti dinyatakan dalam manifesto, nilai yang ingin dibawa dalam pemerintahan oleh sesebuah parti dan calon yang berkaliber diketengahkan dalam kajian Mohd Nizar et al. (2017). Tidak hairanlah jika Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Pakatan Harapan (PH) berusaha mengetengahkan calon baru dan muda untuk menarik sokongan golongan belia pada PRU-14. Hal yang demikian kerana golongan belia kini lebih banyak mengetahui rencam dunia politik di hujung jari memandangkan mereka merupakan generasi teknologi maklumat yang menggunakan medium media sosial untuk mendapatkan berita-berita terkini dan seterusnya mengikuti lebih rapat hal ehwal politik Malaysia. Hal ini juga pernah dikaji oleh Ibrahim (2012) yang mana golongan belia kebanyakannya memiliki telefon pintar yang canggih jika dibandingkan dengan generasi tua.


Namun begitu, laporan dari Azmil (2018) menerusi Astro Awani, pola pengundian golongan belia dalam PRU-14 sememangnya sukar dijangka kerana mereka tidak terikat dengan sentimen politik yang melampau. Hal ini kerana golongan ini lebih banyak menumpukan tentang isu-isu semasa dari segi kos sara hidup, perumahan dan peluang pekerjaan yang perlu

penyelesaiannya. Tambahan pula golongan belia generasi baru ini semakin matang dan lantang bersuara mengenai isu yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, isu atau sentimen politik perkauman ini sukar untuk mempengaruhi mereka memandangkan ideologi ini sudah lapuk dan mereka lebih suka memfokuskan tentang masalah kehidupan sehari-hari dan disebabkan itu mereka akan lebih cenderung memilih pemimpin yang boleh membela nasib mereka untuk lima tahun akan datang.

Nur Ellyanis & Junaidi (2020) menjelaskan bahawa generasi belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat hari ini. Oleh itu adalah amat mustahil untuk meminggirkan pandangan dan pendapat mereka sama sekali memandangkan mereka ini adalah golongan pelapis yang bakal menentukan jatuh bangunnya politik sesebuah negara. Justeru, kekuatan politik dalam sesebuah negara terutamanya negara Malaysia sememangnya amat bergantung kepada partisipasi golongan belia memandangkan mereka ini bakal menentukan arah tuju dan masa depan negara. Penglibatan dan penyertaan golongan belia dalam pilihan raya amat diperlukan bagi memilih parti yang bakal pemerintah negara dan disebabkan itu golongan belia ini wajar membuat pertimbangan yang sebaik mungkin agar masa depan rakyat dan negara akan terpelihara. Implikasi daripada penulisan artikel ini adalah semua pihak terutamanya pihak berkuasa perlu mendengar dan mengambil kira pandangan dan kemauan belia kerana belia adalah pelapis negara.

## **Metod dan kawasan kajian**

Bagi memantapkan penulisan artikel ini data kuantitatif dan kualitatif digunakan. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data yang berangka dan kaedah ini digunakan bagi membuktikan dan menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Kaedah ini berupaya menghasilkan keputusan yang tepat dan sah dalam objektif kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman dalam kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh menerusi kaedah ini bersifat tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang mendalam. Teknik-teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini adalah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Data kuantitatif dan kualitatif yang digunakan dalam penulisan ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan pimer iaitu daripada keputusan PRU-14, manakala data sekunder diperoleh menerusi rujukan sekunder bahan-bahan bercetak dan sumber atas talian yang berkenaan seperti laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding dan buku rujukan ilmiah. Kawasan kajian pula ialah di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah iaitu Kota Siputeh, Tokai dan Guar Chempedak (Lihat Rajah 1). Pemilihan kawasan kajian ini adalah bersandarkan kepada kawasan majoriti pengundi belia Melayu iaitu Kota Siputeh (utara), Tokai (tengah) dan Guar Chempedak (selatan). Justifikasi pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kedudukan kawasan dan corak pengundian yang berbeza-beza dalam kalangan belia Melayu sehingga menunjukkan kemenangan PH, BN dan PAS bagi setiap kawasan yang dipilih.



Rajah 1. Peta lokasi kawasan kajian (DUN Kota Siputeh, Tokai dan Guar Chempedak)

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di Kedah*

Pilihan Raya Umum ke-14 telah diadakan pada hari Rabu bersamaan 9 Mei 2018. Seramai 14,940,624 orang pemilih yang berdaftar layak melakukan pengundian. Trend pengundian kali ini berlaku perubahan drastik sehingga tercetusnya gelaran ‘Tsunami Politik Malaysia’ yang mana dalam sejarah Malaysia sendiri berlakunya perubahan kerajaan. Hal ini amat menarik

untuk dilihat dan dikaji memandangkan perubahan trend pengundian ini berlaku dengan tidak dijangkakan.

Kota Siputeh merupakan kawasan DUN yang terletak di kawasan paling utara sekali negeri Kedah. Kawasan DUN ini bersempadan dengan negeri Perlis dan berada dalam kawasan Parlimen Jerlun. Terdapat tiga orang calon yang bertanding di kawasan ini iaitu Dr. Salmee Said yang mewakili PH-AMANAH, Ustaz Mohd Rejab Md Akhir (PAS) dan Ahmad Azhar Abdullah (BN-UMNO). Keputusannya memihak kepada Dr. Salmee dengan majoriti 7,265 undi yang kebanyakannya disumbang oleh golongan belia di saluran tiga dan empat. Jadual 1 menunjukkan trend pengundian golongan belia Melayu di DUN Kota Siputeh.

**Jadual 1.** Keputusan PRU 2018 bagi kawasan N.03 Kota Siputeh untuk saluran pengundi belia

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Pengundi</b>	<b>Jumlah Pengundi Melayu</b>	<b>Undi Saluran Belia</b>			<b>Majoriti undi</b>
			<b>BN</b>	<b>PAS</b>	<b>PH</b>	
Pekan Kodiang	2,143	1,273	76	162	202	40
Kampung Siputeh	2,546	2,402	200	120	218	18
Kampung Sanglang	1,608	1,387	118	97	231	113

Sumber: Diadaptasi dan diubahsuai dari SPR, 2018

Berdasarkan Jadual 1, tiga kawasan daerah mengundi yang dipilih ini adalah majoritinya ramai penduduk berbangsa Melayu. Bagi undi saluran belia iaitu saluran empat, majoritinya lebih cenderung memilih PH berbanding dengan BN atau PAS dalam PRU 2018. Jika dilihat pada jadual ini pada undi saluran belia, ternyata ramai yang memberi undi kepada PH terutamanya di Kampung Sanglang. Ini disebabkan fenomena nasional iaitu isu cukai GST, ius ekonomi serta kos sara hidup dan ketidakyakinan belia terhadap kepimpinan Perdana Menteri pada waktu itu (Junaidi 2019). Keadaan ini diperkuuhkan lagi dengan golongan belia inginkan perubahan kepimpinan baru Selain itu, kepimpinan Dr. Salmee daripada PH pertama kali bertanding dalam pilihan raya dilihat lebih dekat dengan inspirasi belia luar bandar. Beliau merupakan calon wanita pertama yang bertanding untuk kawasan ini dan sekali gus telah dilantik menjadi EXCO/Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia dan Pembangunan Insan bagi Kerajaan PH Negeri Kedah selepas kemenangannya di kawasan DUN Kota Siputeh.

Tokai merupakan salah satu DUN yang dimenangi oleh PAS di Kedah. DUN ini terletak dalam Perlimen Pendang. DUN Tokai merupakan antara salah satu kubu kuat PAS di Kedah. Antara calon yang bertanding untuk DUN ini pada PRU 2018 adalah Dato' Dr. Mohd Hayati Othman (PAS), Ustaz Firdaus Jaafar (PH-AMANAH) dan Ahmad Fattah Omar (BN-UMNO). Keputusan memihak kepada Dato' Dr. Mohd Hayati dengan kemenangan sebanyak 15,491 undi majoriti. Bagi saluran belia pula, ternyata golongan itu lebih banyak memberi undi kepada beliau seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Keputusan PRU 2018 bagi kawasan N.18 Tokai untuk saluran pengundi belia

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>Jumlah Pengundi (semua)</b>	<b>Jumlah Pengundi Melayu</b>	<b>Undi Saluran Belia</b>			<b>Majoriti undi</b>
			<b>BN</b>	<b>PAS</b>	<b>PH</b>	
Guar Kepayang	2,643	2,637	85	314	50	229
Gajah Mati	2,306	2,289	99	299	97	200
Banggol Besi	1,919	1,914	53	285	62	223

Sumber: Diadaptasi dan diubahsuai dari SPR, 2018.

Jika dilihat pada Jadual 2, PAS mendahului jauh parti lain sehingga mencapai kemenangan yang sangat selesa di kawasan DUN ini. Tambahan pula, selain merupakan kawasan kubu kuat PAS, kepimpinan pemimpin PAS sebelum ini iaitu Datuk Mohammad Taulan Mat Rasul amat disenangi oleh penduduk tempatan. Namun begitu, apabila beliau tidak bertanding untuk PRU-14, pengantinya kini masih meneruskan legasi tinggalannya. Disebabkan pemimpin terdahulu lebih disenangi penduduk Tokai, maka mereka tetap memilih PAS disebabkan faktor mengenang budi dan figura YB terdahulu yang masih kuat dalam kawasan itu. Justeru, tidak hairanlah jika golongan belia juga ramai memilih PAS pada PRU-14 kerana menyenangi ideologi parti itu dan juga pemimpinnya. Selain itu, faktor pengundi belia Melayu di kawasan Tokai masih menyokong PAS kerana ramai yang yakin dengan perjuangan Islam yang PAS bawa. Hal ini kerana parti tersebut sememangnya sudah dikenali dengan membawa wadah Islam dalam perjuangan mereka. Oleh itu, wujudnya slogan ‘Membangun bersama Islam’ yang mana PAS dilihat bersungguh-sungguh mahu melaksanakannya dalam pentadbiran Malaysia dengan mengambil ‘role model’ Kelantan sebagai contoh yang dilihat berjaya dalam mengekalkan konsep ‘Membangun bersama Islam’ (Junaidi, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim 2020).

PAS yang tiada kes rasuah dan penyelewengan merupakan faktor yang dilihat oleh pengundi belia Melayu dalam memberi undi kepada PAS. Hal ini kerana jika dibandingkan dengan pemimpin dari parti lain yang sentiasa terpalit dengan isu rasuah, PAS pula bersih dari isu tersebut. Faktor sokongan lain adalah pengundi yakin dengan parti majoriti yang disokong oleh orang Melayu. Jika dibandingkan dengan parti politik yang lain seperti BN, PKR mahupun DAP, jumlah penyokong dan ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang agama dan budaya yang berbeza. Oleh itu, kebanyakan pengundi Melayu lagi selesa mengundi parti yang mewakili hak dan suara masyarakat Melayu sendiri. Dari segi isu nasional, belia Melayu juga menyokong PAS disebabkan isu kenaikan kos sara hidup, isu cukai GST dan isu integriti kepimpinan BN.

DUN Guar Chempedak pula merupakan kawasan DUN yang terpilih bagi mewakili kemenangan BN. DUN ini berada dalam kawasan Parlimen Jerai. Calon yang bertanding untuk DUN ini adalah Datuk Dr. Ku Abdul Rahman Ku Ismail (BN-UMNO), Musoddak Ahmad (PAS) dan Mohd Saffuan Sabari (PH-PPBM). Datuk Dr. Ku Abdul Rahman memenangi DUN ini dengan kemenangan 6,518 majoriti undi mengatasi calon yang lain.

**Jadual 3.** Keputusan PRU 2018 bagi kawasan N.21 Guar Chempedak untuk saluran pengundi belia

Daerah Mengundi	Jumlah Pengundi (semua)	Jumlah Pengundi Melayu	Undi Saluran Belia			Majoriti undi
			BN	PAS	PH	
Sungai Udang	1,903	1,889	157	133	113	24
Pekan Sungai Yan	1,729	1,292	155	138	225	87
Titi Serong	1,234	1,130	94	159	91	63

Sumber: Diadaptasi dan diubahsuai dari SPR, 2018

Berdasarkan Jadual 3, hanya daerah mengundi bagi Titi Serong saja yang BN tidak memenanginya untuk saluran belia sebaliknya dimenangi oleh PAS dengan majoriti 63 undi. Namun begitu, kawasan ini antara kawasan yang paling ramai penduduk berbangsa Melayu jika dibandingkan dengan kawasan yang lain. Datuk Dr. Ku Abdul Rahman ialah seorang pemimpin yang telah menyertai pilihan raya sejak tahun 2008 (PRU-12). Semasa pemerintahan BN, beliau pernah memegang jawatan sebagai EXCO Pelaburan, Industri dan Perdagangan. Beliau antara

salah seorang pemimpin UMNO yang meninggalkan komponen parti BN dan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM/BERSATU) pada 6 Disember 2018.

Sokongan pengundi belia Melayu di Guar Chempedak kepada UMNO/BN dalam PRU tersebut juga selaras dengan konsep identifikasi parti dan teori pilihan rasional. Konsep identifikasi parti disebabkan kepercayaan, keyakinan dan harapan pengundi yang tinggi terhadap UMNO/BN selaras dengan konsep identifikasi parti seperti yang dijelaskan oleh Campbell et al. (1960) iaitu wujudnya keterikatan seseorang individu kepada parti politik. Seseorang individu yang mempunyai ikatan identifikasi kuat terhadap sesuatu parti membawa ke arah memilih parti dan calon yang sama dalam setiap pilihan raya ke satu pilihan raya yang lain tanpa mengambil kira dengan perubahan dan isu semasa sama ada dalam dan luar negara.

Ciri teori pilihan rasional pula terkait dengan pengundi belia Melayu bertindak mengundi UMNO/BN kerana mereka mendapat manfaat daripada dasar pro rakyat oleh Kerajaan Pusat/BN pimpinan Dato' Seri Mohd Najib Razak melalui produk 1Malaysia seperti BR1M, SL1M, KR1M dan sebagainya. Ini selaras dengan teori pilihan rasional seperti yang dihujahkan oleh Satz & Ferejohn (1994) yang menjelaskan bahawa pengundi memilih antara pengundi dan parti berdasarkan janji, prestasi politik yang lampau, dan isyarat lain yang secara jelas berkaitan dengan hasil dasar dan keutamaan pengundi sebagai antara pakej alternatif hasil dasar tersebut. Ini bermakna, pengundi akan membuat penilaian berdasarkan perkara terbabit sebelum mereka membuat keputusan dalam bentuk undian.

### *Faktor sokongan golongan belia kepada parti politik*

Jika dahulu, media-media bersifat tradisional seperti media cetak dan elektronik yang menguasai maklumat, namun kini media sosial mengambil alih peranan tersebut. Media sosial banyak mempengaruhi hidup manusia terutama dalam hidup serba canggih kini yang mana maklumat hanya diperoleh dihujung jari. Boleh dikatakan, hampir semua manusia di muka bumi ini memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Oleh itu, segala maklumat yang diperoleh juga lebih mudah dicapai dalam masa yang singkat dan tiada sekatan dari pihak berkepentingan. Disebabkan fenomena ini jugalah menyebabkan golongan belia sama ada yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar akan lebih cepat dan mudah mengadaptasi teknologi yang sentiasa bertambah maju dalam mengakses maklumat. Justeru, golongan belia ini lebih peka perihal isu semasa. Tambahan pula, info di internet kebanyakannya setiap saat *up to date* dan keadaan ini boleh mempengaruhi golongan belia dalam memberi undi kepada mana-mana parti politik yang disukai dan lebih aktif dalam media sosial.

Golongan belia merupakan golongan paling mudah tidak berpuas hati terhadap sesuatu isu dan juga mempunyai sifat ingin tahu lebih tinggi. Hal ini juga berkait dengan sesuatu isu semasa yang berlaku terutama sebelum menjelang PRU-14. Tambahan pula, semasa kepimpinan Dato' Seri Najib Tun Razak yang banyak berlakunya kontroversi terutama isu 1 Malaysia Development Berhad (1MDB). Semasa dalam kepimpinan bekas Perdana Menteri itu, isu 1MDB lebih banyak disembunyikan pelbagai pihak sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai. Hal yang demikian kerana, isu ini lebih banyak disampaikan oleh pemberita dari luar Malaysia dan rakyat Malaysia sendiri seolah-olah tidak mengetahui isu ini terlampau besar sehingga disiasat oleh banyak negara (Case 2017; Hutchinson 2018). Oleh itu, belia luar bandar amnya di Kedah yang dilihat tidak lagi mengharapkan berita yang disampaikan oleh media arus perdana. Rata-ratanya lebih banyak mendengar ceramah dari pihak pembangkang pada ketika itu tentang isu IMDB dan mudah terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang. Disebabkan telah

mengetahui/termakan dakyah pembangkang telah membuatkan mereka marah apabila mengetahui perkara yang sebenar sehingga menyebabkan mereka terus menunjukkan protes dalam pengundian.

Seterusnya adalah tentang aspirasi belia yang perlu ditunaikan oleh pemimpin yang memerintah. Selama 61 tahun BN memerintah, aspirasi belia tidak dipandang serius. Pada 21 Januari 2017, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan oleh Dato' Seri Najib (DSN) yang merupakan inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. TN50 ini bakal menggarap visi belia Malaysia untuk tiga dekad dengan memberi tumpuan dan mendengar luahan dari kelompok generasi muda melalui TN50. Komponen utama untuk generasi belia adalah pembangunan, kompetensi kepimpinan, gaya kepimpinan dan tingkah laku.

Namun begitu bagi golongan belia, perlaksanaan TN50 ini tidak kena pada masanya kerana seolah-olah menyingkirkan Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir (TDM) seperti yang dilaporkan oleh Hambali (2016) dan Nazura & Nadia (2018). Malahan belia juga kurang memahami tujuan TN50 ditubuhkan terutamanya di luar bandar. Tambah pula, pada ketika itu, ‘permusuhan politik’ antara DSN dan TDM sangat nyata sehingga wujud penyokong bagi kedua belah pihak lantas menyebabkan terpecahnya penyokong Melayu kepada tiga iaitu penyokong BN, PAS dan PH di Kedah dan juga seluruh Malaysia. Oleh itu, walaupun segala perancang untuk TN50 dilihat dapat memenuhi aspirasi belia untuk tempoh 50 tahun akan datang sehingga pihak BN membuat jelajah di seluruh Malaysia, tetapi pelaksanaan yang dilakukan itu seperti tergesa-gesa menimbulkan tanggapan ramai dalam usaha menyingkirkan legasi TDM semakin kuat. Tambahan pula, belia generasi kini adalah generasi yang lahir dalam perangkaan Wawasan 2020 dan kewujudan TN50 sukar diterima apatah lagi untuk belia di luar bandar di Kedah yang masih tidak memahami tentang TN50.

Antara isu yang menjadi perhatian ramai termasuk generasi belia adalah isu 1MDB. Isu ini merupakan satu isu yang sangat besar kerana menjadi perhatian dunia. Di Malaysia, isu ini tidak mendapat tumpuan oleh golongan pertengahan dan pemilih yang tinggal di luar bandar kerana mereka beranggapan yang isu 1MDB ini terlalu sukar untuk difahami. Bagi golongan belia di Kedah isu 1MDB sukar untuk difahami oleh mereka kerana tidak menjelaskan langsung kehidupan mereka. Malahan kisah 1MDB ini terlalu kompleks untuk difahami dan dianggap sebagai kisah dongeng semata-mata dalam usaha menjatuhkan kerajaan BN dan DSN kerana rata-rata pemikiran belia di luar bandar di negeri Kedah masih lagi berada di takuk lama. Tetapi, pada PRU-14 perubahan tetap berlaku juga di Kedah apabila ramai belia luar bandar di Kedah meragui tentang 1MDB sehingga menolak kepimpinan BN.

Isu yang lain yang menjadi perhatian adalah pelaksanaan cukai GST yang diperkenalkan semasa era pemerintahan DSN pada 1 April 2015. Cukai ini dikenakan sebanyak enam peratus kepada semua jenis barang kecuali barang asas saja. Pelaksanaan GST yang menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) amat meresahkan semua pihak kerana pelaksanaan ini telah menyebabkan harga barang keperluan naik mendadak. Walaupun GST dikatakan membawa kebaikan namun, cara pelaksanaannya yang bermula dengan enam peratus dianggap terlalu tinggi. Malahan golongan belia beranggapan, GST amat membebankan golongan bawah dan juga golongan pelajar kerana sebahagian besar golongan belia di Malaysia berada dalam kelompok tersebut. Bagi situasi di Kedah, golongan belia di luar bandar juga turut terkena tempiasnya dengan kenaikan kos sara hidup. Rata-rata golongan ini terdiri daripada golongan petani dan peniaga kecil-kecilan sememangnya terkesan dengan pelaksanaan GST terutama dalam kuasa membeli.

### *Implikasi politik belia terhadap negara*

Keputusan PRU-14 menyebabkan tumbangnya Kerajaan Malaysia dibawah pimpinan BN yang telah memerintah selama 61 tahun. Kerajaan PH telah berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru apabila memenangi 121 kerusi parlimen berbanding BN yang memenangi 79 kerusi parlimen, PAS sebanyak 18 kerusi parlimen, Parti Solidariti Tanah Airku sebanyak 1 kerusi parlimen, dan Bebas sebanyak 3 kerusi parlimen. Selain itu, Kerajaan PH juga telah berjaya menguasai beberapa buah negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah. Perubahan landskap politik ini sememangnya mengejutkan ramai pihak. Namun bagi rakyat Malaysia, perkara ini merupakan satu perkara yang amat dinantikan sekian lama. Semuanya disebabkan golongan belia yang bertindak sebagai agen perubahan kerana bosan dengan politik BN yang masih bermain dengan sifat perkauman, tidak seiring dengan idealisme generasi muda dan juga berada di takuk lama. Generasi belia telah membuktikan mereka tidak gentar dalam melakukan perubahan demi masa depan negara. Malahan, mereka juga sentiasa melaungkan slogan ‘Jom Ubah’ dan ‘Pakatan Harapan Rakyat’ sebelum PRU-14 bermula telah menaikkan semangat mereka untuk berani berubah sehingga terbentuknya kerajaan baru sama ada di peringkat persekutuan dan negeri.

Setelah terbentuknya Malaysia Baru, golongan belia lebih banyak mendapat perhatian dari pemimpin PH sama ada pemimpin senior mahupun pemimpin muda sendiri. Menurut laporan Sariha et al. (2018) dalam Berita Harian telah menyatakan bahawa kerajaan baru amat mengambil peduli denyut nadi anak muda kerana golongan ini yang banyak menyokong perjuangan mereka dan juga telah memberi kepercayaan yang tinggi. Justeru, mereka golongan ini tidak akan dikecualikan dalam memberi pandangan demi pembangunan negara.

Disebabkan itu, Kerajaan PH pernah menyuarakan hasrat untuk membuat pindaan menurunkan umur pengundian dari umur 21 tahun kepada 18 tahun. Semuanya kerana inginkan golongan belia terlibat aktif dalam memberi pandangan. Namun begitu, cadangan ini lebih banyak mendapat bantahan daripada pemimpin-pemimpin senior dari ketiga-tiga parti politik kerana ramai yang beranggapan bahawa pada usia 18 tahun masih belum matang dalam menentukan keputusan dan terlibat dalam politik. Namun akhirnya pada 16 Julai 2019, pindaan terhadap Rang Undang-Undang Perlembagaan untuk menurunkan had umur mengundi dari umur 21 tahun kepada 18 tahun telah mendapat sokongan tanpa bantahan oleh kesemua 211 orang anggota parlimen yang telah hadir. Penurunan had umur ini membolehkan pendaftaran secara automatik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilakukan sebaik saja seorang individu mencapai usia 18 tahun (Fadzil & Luqman, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia wajar diberi peluang dalam proses demokrasi dalam negara. Malahan TDM sendiri turut mengakui bahawa golongan belia bukanlah lagi dianggap sebagai membebangkan tetapi satu amanah yang besar untuk memajukan negara.

Selain dari kepentingan suara belia untuk negara, golongan belia juga bebas memberikan pendapat dan idea yang sesuai dalam keadaan semasa. Hal ini wajar dilihat memandangkan idea dan buah fikiran golongan belia adakalanya bersifat baru dan di luar kotak. Semasa pemerintahan kerajaan terdahulu, golongan belia seakan dipinggirkan dan jarang suara mereka dari akar umbi didengari kerana golongan belia dilempar dengan tohmahan negatif seperti golongan anak manja, pendek akal dan kebudak-budakkan. Keadaan ini menyebabkan belia memendam rasa dan akhirnya bertindak dalam diam seperti melakukan pemberontakan menerusi peti undi.

Dalam kajian Mohd Fuad dan Junaidi (2012), golongan belia berharap agar pandangan politik serta isi hati mereka didengar dan difahami serta diteliti pihak kerajaan seterusnya dapat

dijadikan panduan dalam pembuatan keputusan/dasar negara. Hal ini juga telah terbukti bahawa golongan belia sememangnya mahu pendapat mereka didengari walaupun mungkin pemimpin senior berpandangan klise. Sekurang-kurangnya, apabila pendapat mereka diberi perhatian oleh pihak berwajib golongan belia merasakan mereka dihargai. Kemungkinan juga, jurang golongan belia yang berada di atas pagar ini berkurangan dan belia mampu berfikir dengan realistik tentang isu-isu semasa yang dapat ditangani oleh kerajaan.

Seterusnya, perubahan dalam politik negara ini telah melahirkan pemimpin generasi belia. Disebabkan itu, parti politik di pihak kerajaan mahupun pembangkang telah berlumba-lumba meletakkan calon muda untuk menarik perhatian pengundi muda dalam memberi undi. Nizar et al. (2017) berpendapat bahawa calon-calon muda lebih memahami selok-belok dalam berkempen menggunakan metod baru di media sosial akan dapat menarik keyakinan ramai pengundi tentang hasrat mereka menjadi calon. Selain itu, interaksi antara calon yang bertanding dengan pengundi belia amat berkesan kerana masing-masing memahami aspirasi belia. Tambahan pula, ramai pemimpin senior negara masih tidak arif tentang media sosial dan interaksi antara pengundi belia dan pemimpin senior agak terbatas.

Oleh itu, PH dan PAS berlumba-lumba meletakkan calon baru dan muda bagi menarik golongan belia dalam memberi undi. Dalam kajian Nizar et al. (2017) juga menyatakan bahawa PAS telah mengumumkan 40 peratus calon mereka adalah daripada kalangan calon muda. Oleh itu, tidak hairan juga jika pengundi belia cenderung memilih calon muda kerana lebih mudah berinteraksi dan memiliki aspirasi yang sama. Antara pemimpin muda yang dikenali ramai adalah Khairy Jamaluddin (BN-UMNO) yang pernah menyandang jawatan Menteri Belia dan Sukan semasa pemerintahan kerajaan BN. Beliau dilantik memegang portfolio itu ketika berusia 37 tahun. Ahli Parlimen Batu iaitu YB P. Prabakaran yang dipilih oleh pengundi parlimen itu sebagai anggota parlimen termuda di Malaysia iaitu pada usia 22 tahun. Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (PH-PPBM/BERSATU) yang telah dilantik menyandang jawatan Menteri Belia dan Sukan di zaman pemerintahan kerajaan PH kini. Syed Saddiq memegang rekod sebagai menteri paling muda yang dilantik di Malaysia dan menteri paling muda yang menyertai barisan Kabinet PH iaitu ketika usia 25 tahun. Syed Saddiq dan YB P. Prabakaran adalah dua orang individu yang berjaya membenam rekod yang pernah dipegang oleh Dato Seri Najib Razak sebagai menteri paling muda menyertai ahli kabinet dan anggota parlimen termuda.

## Kesimpulan

Keputusan PRU-14 di kawasan kajian menunjukkan bahawa suara generasi belia amat penting dalam pembangunan politik di Malaysia dan Kedah amnya. Di negeri Kedah, perubahan kerajaan negeri sudah pernah berlaku sebelum ini pada PRU-12 dan ianya langsung tidak mengejutkan rakyat Kedah. Disebabkan itu jugalah rakyat Kedah menerima keputusan perubahan kerajaan dari BN ke PH dengan hati terbuka. Selain itu, bagi kawasan DUN luar bandar yang terpilih dalam kajian ini juga menunjukkan keputusan yang berbeza-beza dalam PRU-14 membuktikan keberanian golongan belia dalam memilih. Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia luar bandar sudah semakin berani dalam mengorak langkah untuk berubah jika terdapat pemimpin yang tidak mengerti akan keinginan mereka. Hal ini juga berkait rapat dengan keciran sifat feudal dalam jiwa generasi belia luar bandar dan bandar disebabkan mereka tidak lagi mengambil kisah tentang ketaatan kepada sesebuah parti tetapi lebih kepada untuk mencari penyelesaian demi kebaikan negara.

## Rujukan

- Azmil Tayeb. (2018). Pola Pengundian Golongan Muda Sukar Dijangka-Penganalisis Politik. *Astro Awani*. Dicapai di <http://www.astroawani.com/berita-politik/pola-pengundian-golongan-muda-sukar-dijangka-penganalisis-politik-174767>
- Case, W. (2017). Stress Testing Leadership in Malaysia: The 1MDB Scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review*, 30(5), 633-654.
- Campbell, A., Converse, P.E., Miller, W.E., & Stokes, D.E. (1960). *The American Voter*. Chicago: University of Chicago Press.
- Fieldhouse, E., & Cutts, D. (2012). The Companion Effect: Household and Local Context and the Turnout of Young People. *Journal of Politics*, 74(3), 856–869.
- Gomez, R. (2013). All That You Can(not) Leave Behind: Habituation and Vote Loyalty in the Netherlands. *Journal of Elections, Public Opinion and Parties*, 23(2): 134–153.
- Hambali Abdul Latiff. 2016. TN50 Cubaan Pinggir Legasi Wasasan 2020?. *Malaysiakini*. Dicapai di <https://www.malaysiakini.com/news/360048>
- Henn, M., & Hart, J. (2017). The Generation Election: Youth Electoral Mobilisation at the 2017 General Election. In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 25. Poole: The Centre for the Study of Journalism, Culture and Community.
- Hutchinson, F. E. (2018). Malaysia's 14th General Elections: Drivers and Agents of Change. *Asian Affairs*, 49(4), 582-605.
- Ibrahim Suffian. (2012). *PRU13: Anak Muda dan Media Baru*. Dicapai di <https://merdekacenter.org.com>
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend Pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 12(2), 126-149.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2020). Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4), 60-77.
- Luqman Arif Abdul Karim. (2019). Pengundi cecah 22.7 juta menjelang 2023-PM. *Berita Harian*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/585580/pengundi-cecah-227-juta-menjelang-2023-pm>
- Marshelayanti Mohamad Razali, Siti Noranizahhafizah Boyman & Nafisah Ilham Hussin. (2013). Penglibatan politik belia: Satu analisis penyertaan konvensional di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 70-78.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. (2019). Isu dan masalah bekalan air domestik pada PRU14. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1), 47-62.
- Mohd Fuad Mat Jali & Juanidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 7 (1), 50-63.
- Mohd Haziman Mahmood. (2017). Impak penyertaan pengundi muda dalam PRU 2013 terhadap politik Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 12(1), 1-18.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). Kerelevan calon muda menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. *The 2nd International*

*Conference on Communication, Media, Information Technology, Environment, Tourism, Politics, Arts and Heritage. Conference Proceeding.*

- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). TN50 Generasi Muda: Suara kepimpinan masa hadapan. *The International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues (ISICH 2017)* Universiti Utara Malaysia. (1) hlm 1-5.
- Nazura Ngah & Nadia Hamid. 2018. Tun M Pembunuhan Politik Bersiri. *BH Online*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/399464/tun-m-pembunuhan-politik-bersiri-annuar-musa>
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. (2020). Politik belia dan Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(7), 49-65.
- Norris, P. (2017). Why the younger generation of Corbynistas?. In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 22-23. Poole: The Centre for the Study of Journalism, Culture and Community.
- Ong, K. M. (2010). Pakatan Rakyat: What is different this Time? *The Round Table*, 99(407), 141-152.
- Sariha Mohd Ali, Nazura Ngah & Arfa Yunus. (2018). Jangan anggap remeh tanggapan anak muda-Syed Saddiq. *Berita Harian*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/06/437058/jangan-anggap-remeh-pandangan-anak-muda-syed-saddiq>
- Satz, D., & Ferejohn, J. (1994). Rational choice and social theory. *The Journal of Philosophy*, 91(2), 71–87.
- Sloam, J., Mohammad Raqib Ehsan & Henn, M. (2018). ‘Youthquake’: How and why young people reshaped the political landscape in 2017. *Political Insight*, 4(1), 4-8.
- Sloam, J. (2017). Younger voters politically energised, but the generation divide deepens. In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 20.
- SPR. (2018). *Daftar Pemilih Terkini 2018*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Zubaidah Abu Bakar. (2009). Power to rule in the hands of young voters. *New Straits Times*. 23 January 2009. Hlm 16.